

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan Hasil Kajian.

Dalam bab ini penyelidik akan membincangkan rumusan kajian. Dapatkan kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah taburan min dan peratusan, manakala ujian t digunakan untuk menentukan perbezaan keperluan di antara sekolah, jantina dan juga aliran

Kajian ini dijalankan ke atas 129 pelajar di dua buah sekolah menengah di negeri Kelantan. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan Sek. Men. Keb. Jeli. Daripada jumlah tersebut seramai 60 pelajar adalah pelajar lelaki dan 69 orang pelajar adalah pelajar perempuan, 65 pelajar adalah daripada aliran sains dan 64 pelajar adalah daripada aliran sastera. Suatu inventori yang mengandungi senarai keperluan di mana dirasakan pelajar memerlukan bantuan dikemukakan kepada pelajar.

Inventori tersebut mengandungi 225 item yang dibahagikan kepada sembilan bidang. Dalam tiap-tiap bidang terdapat 25 item. Sembilan bidang keperluan tersebut ialah Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Sosial, Perkembangan Kerjaya, Perkembangan Pemahaman diri, Perkembangan Kesihatan dan Fizikal, Kewangan

dan Tempat Tinggal, Perkembangan Peribadi dan Perkembangan Kerohanian dan Moral.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bidang-bidang di mana pelajar sekolah menengah tersebut memerlukan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Selain itu kajian ini bertujuan untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan dari segi keperluan antara sekolah, jantina dan pelajar aliran sains dan sastera. Soalan-soalan berkaitan sumber-sumber maklumat yang sering pelajar lihat di dalam bilik Kaunseling Kerjaya atau di Pusat Sumber Sekolah juga diajukan kepada pelajar untuk mengetahui sejauh manakah pihak sekolah memainkan peranan mereka dalam menyediakan maklumat kepada pelajar.

Berdasarkan kepada dapatan kajian dapatlah dibuat rumusan bahawa :

1. Keperluan pelajar adalah tinggi dalam tujuh bidang keperluan pelajar. Bidang-bidang tersebut ialah Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional, Perkembangan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kerjaya, Perkembangan Sosial, Perkembangan Pemahaman Diri, dan Perkembangan Peribadi

2. Tiga bidang di mana keperluan bimbingan adalah paling tinggi ialah Bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Pelajaran dan Vokasional dan bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral.

3. Di antara sekolah tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecuali dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar. Adalah didapati pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli menunjukkan keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar.
4. Di antara jantina didapati tidak ada perbezaan yang signifikan kecuali dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral. Pelajar lelaki menunjukkan keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan dalam bidang Perkembangan Kerohanian dan Moral.
5. Di antara pelajar aliran sains dengan pelajar aliran sastera didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecuali dalam tiga bidang keperluan iaitu bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan bidang Perkembangan Pemahaman diri. Didapati pelajar-pelajar aliran sains menunjukkan keperluan lebih tinggi dalam tiga bidang tersebut berbanding dengan pelajar aliran sastera.
6. Lapan keperluan pelajar yang tertinggi adalah Pertama, *Memperbaiki Keholehan Mengingat*, Kedua, *Memperbaiki Kemajuan Dalam Pelajaran Matematik*, Ketiga, *Memperbaiki Kemahiran Dalam Bahasa Inggeris*, Keempat, *Memperbaiki Kemajuan Dalam Pelajaran Sains*, Kelima, *Mempunyai*

Kepercayaan Kepada Kebolehan Sendiri, Keenam, Mengatasi Peratusan Malas Untuk Belajar, Ketujuh, Mengetahui Teknik Belajar Yang Berkesan, dan Kelapan, Memperbaiki Keupayaan Saya Untuk Memberi Tumpuan. Dari lapan keperluan yang tertinggi, didapati lima adalah dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, dua dalam bidang Perkembangan Pelajaran dan Vokasional dan satu dalam bidang Perkembangan Sosial. Ini bermakna pelajar mempunyai keperluan yang sangat tinggi dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar.

7. Mengenai sumber-sumber maklumat yang sering terdapat dalam bilik Bimbingan dan Kerjaya dan Pusat Sumber Sekolah terdapat 5 bahan maklumat di mana peratusan pelajar menyatakan tidak pernah melihat adalah tinggi. Sumber-sumber maklumat tersebut ialah, Kamus Kod Pekerjaan (DOT), Maklumat-maklumat Biasiswa atau bantuan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, orang perseorangan dan lain-lain Pengajur sama ada Awam atau Swasta, Prospektus atau Katalog Mengenai Universiti luar negeri, Maklumat mengenai biasiswa dan lain-lain sumber kewangan untuk pelajaran tinggi dan maklumat mengenai aktiviti bimbingan di peringkat Sekolah, Daerah, Negeri atau Negara.

5.2 Cadangan.

Hasil kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai bidang-bidang keperluan bimbingan pelajar-pelajar di sekolah menengah. Untuk

menentukan perkhidmatan bimbingan yang dijalankan di sekolah memenuhi keperluan pelajar segala perancangan dan aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling seharusnya berlandaskan kepada bidang-bidang keperluan yang dikehendaki oleh pelajar. Apa yang penting dijalankan di sekolah ialah mengadakan aktiviti yang berbentuk pencegahan di samping aktiviti yang berbentuk pemulihan.

Banyak pendekatan yang boleh dilakukan untuk menolong pelajar memenuhi keperluan ini. Di antaranya ialah mengaitkan seboleh mungkin subjek-subjek yang diajar di dalam kelas dengan peluang-peluang kerjaya di masa hadapan.

Pihak sekolah bersama dengan kaunselor haruslah merancang modul-modul teknik belajar kepada pelajar. Ianya boleh diedarkan kepada pelajar dalam bentuk buku, risalah, carta-carta dan sebagainya. Penceramah-penceramah yang mahir mengenai teknik kemahiran belajar juga boleh dijemput untuk memberi ceramah kepada pelajar.

Untuk mempastikan pelajar mendapat maklumat yang terkini berkaitan dengan peluang-peluang kerjaya, melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, biasiswa dan juga aktiviti-aktiviti bimbingan sama ada di peringkat daerah, negeri atau negara kaunselor haruslah menyediakan satu sudut khas sama

ada dalam bilik bimbingan atau tempat tumpuan pelajar seperti di kantin sekolah dan sebagainya.

Selain itu, sumber-sumber maklumat bertulis dalam bentuk buku, prospektus, carta, katalog dan sebagainya lagi haruslah sentiasa terkini dan berada di dalam bilik bimbingan dan juga di Pusat Sumber Sekolah. Malah harus dipastikan pelajar boleh meminjam bahan-bahan tersebut menerusi suatu sistem yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

Para kaunselor boleh memenuhi keperluan pelajar dengan mengadakan kegiatan kumpulan dan juga melalui sesi kaunseling kelompok dan juga kaunseling individu. Perkhidmatan ini bukan sahaja dapat membimbang pelajar memenuhi keperluan mereka tetapi juga pada masa yang sama dapat melengkapkan lagi maklumat atau inventori pelajar berkenaan. Justeru itu, maklumat ini boleh digunakan oleh kaunselor yang baru datang ke sekolah berkenaan jika kaunselor sebelum ini bertukar.

Memandangkan pelajar aliran sains menunjukkan keperluan yang tinggi dalam bidang Perkembangan Kemahiran Belajar, Perkembangan Kerjaya dan Perkembangan Pemahaman Diri, pihak sekolah terutamanya kaunselor haruslah memberi tumpuan yang lebih kepada bidang ini. Ceramah-ceramah motivasi dan peningkatan konsep kendiri haruslah diadakan peringkat awal lagi agar pelajar

mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menempuh peperiksaan bila berada di tingkatan lima nanti.

Pihak sekolah juga dicadangkan agar mengadakan lebih banyak program berkaitan kerohanian dan moral terutamanya untuk pelajar lelaki. Ini disebabkan menerusi dapatan kajian didapati pelajar lelaki menunjukkan keperluan yang tinggi dalam bidang tersebut berbanding dengan pelajar perempuan. Sekiranya program tersebut di realisasikan dengan teliti ianya secara langsung akan membantu mengurangkan masalah disiplin pelajar.

Memandangkan negara kita akan bertapak sebagai negara maju menjelang tahun 2020 nanti, para kaunselor perlulah melengkapkan diri mereka dengan maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan isu-isu kerjaya, peluang-peluang melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Selain itu, kaunselor juga harus sentiasa menyertai seminar-seminar bimbingan kaunseling sama ada di peringkat daerah, negeri atau negara untuk melengkapkan pengetahuan mengenai pengendalian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kaunselor juga digalakkan untuk bertemu dan berbincang secara formal atau tidak formal dengan kaunselor-kaunselor di peringkat daerah untuk bertukar-tukar pendapat mengenai cara-cara pengendalian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Pihak pentadbir sekolah haruslah sentiasa prihatin dan memberi sokongan yang berterusan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sama ada dari segi moral ataupun material. Apa yang paling penting ialah memberi kebebasan yang sepenuhnya dan memupuk kerjasama yang erat dengan kaunselor sekolah.

Kerjasama daripada guru-guru untuk membantu kaunselor juga diperlukan. Guru-guru boleh membantu memenuhi keperluan pelajar dengan cara mengaitkan subjek yang diajar dengan peluang-peluang pekerjaan di masa hadapan semasa mengajar di dalam kelas. Selain itu guru-guru juga boleh memberi maklumat mengenai pelajar-pelajar yang bermasalah. Di samping itu mereka juga boleh menghulur bantuan sebagai fasilitator dalam aktiviti-aktiviti kumpulan yang dirancang oleh kaunselor sekolah.

Kaunselor juga digalakkan untuk mendapatkan bantuan daripada ketua-ketua pelajar, pengawas dan juga ahli-ahli Kelab Bimbingan dan Kaunseling untuk menyediakan dan menyebarkan maklumat berkaitan dengan peluang-peluang pelajaran, kerjaya, biasiswa dan sebagainya lagi. Untuk menambahkan pengetahuan mereka mengenai maklumat-maklumat tersebut lawatan sambil belajar bolehlah diatur oleh kaunselor.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan dicadangkan agar merangka modul-modul perkhidmatan bimbingan dan

kaunseling di sekolah-sekolah menengah adalah berpandukan kepada bidang-bidang keperluan yang diperlukan oleh pelajar berkenaan.

Oleh kerana kajian ini menggunakan sampel sekolah dan sampel pelajar yang tidak begitu meluas maka kajian ini belum boleh dianggap sebagai suatu kajian yang lengkap. Oleh itu adalah dicadangkan agar kajian-kajian yang lebih menyeluruh dilakukan dari semasa ke semasa supaya keputusan kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas lagi mengenai bidang-bidang keperluan pelajar di seluruh sekolah-sekolah menengah di Malaysia.